


**Oleh Presiden  
Henry B. Eyring**  
Penasihat Pertama  
dalam Presidensi Utama



# Harapan Kasih Sayang Keluarga Abadi

**D**i antara semua kurnia yang sudah diberikan oleh Bapa Syurgawi kepada anak-anak-Nya, yang paling bernilai ialah kehidupan abadi (lihat A&P 14:7). Kurnia itu adalah untuk hidup dalam kehadiran Tuhan Bapa dan Putera Terkasih-Nya dalam keluarga buat selama-lamanya. Hanya dalam kerajaan Tuhan tertinggi, iaitu selestial, ikatan kasih sayang kehidupan keluarga boleh berterusan.

Kita semua berharap untuk mencapai kebahagiaan kehidupan keluarga yang penuh dengan kasih sayang. Bagi sesetengah orang, itu ialah satu perasaan yang belum kita alami—satu perasaan yang kita tahu adalah munasabah tetapi belum berlaku. Mungkin kita sudah lihat ia dalam kehidupan orang lain. Bagi yang lain, kasih sayang keluarga nampaknya lebih benar dan berharap apabila kematian mengasingkan kita daripada seorang anak, seorang ibu, seorang bapa, seorang abang, seorang kakak, seorang adik, atau seorang datuk atau nenek yang terkasih.

Kita semua pernah berharapan bahawa pada suatu hari nanti kita boleh merasa kasih sayang ahli keluarga yang kami sayangi yang sangat kami rindui sekarang.

Bapa Syurgawi kita mengetahui hati kita. Tujuan-Nya adalah untuk memberikan kita kebahagiaan (lihat 2 Nefi 2:25). Jadi, Dia berikan kurnia Putera-Nya untuk membolehkan kebahagiaan ikatan keluarga yang abadi. Oleh kerana Juruselamat memecahkan ikatan kematian, kita semua akan dibangkitkan. Oleh kerana Dia menebuskan

dosa-dosa kita, kita boleh bertaubat dengan beriman, menjadi layak untuk memasuki kerajaan selestial, di mana keluarga diikat dalam kasih sayang buat selama-lamanya.

Juruselamat hantar Nabi Elia kepada Joseph Smith untuk memulihkan kunci-kunci imamat (lihat A&P 110). Kunci-kunci itu bawakan kuasa pemeteraian, satu kurnia Tuhan ternilai kepada anak-anak-Nya—kehidupan abadi dalam ikatan keluarga buat selama-lamanya.

Ini satu kurnia yang boleh dituntut oleh setiap anak Tuhan yang datang ke dunia ini. Satu seketiga anak-anak Roh-Nya menolak kurnia-Nya dalam dunia prafana. Kerana mereka kekurangan iman dan kemudian memberontak, mereka memilih untuk tidak mengetahui kebahagiaan keluarga abadi dari kurnia Bapa Syurgawi.

Bagi kita yang sudah lulus ujian dalam dunia prafana dan berlayak untuk menerima kurnia tubuh badan fana, kita masih boleh pilih kehidupan abadi. Jika kita telah diberkati untuk mendapati Injil yang sudah dipulihkan, kita boleh pilih untuk membuat dan menjaga perjanjian-perjanjian dengan Tuhan untuk melayakkan kehidupan abadi kepada kita. Jika kita bertahan dalam keimanan itu, Roh Kudus akan mengesahkan harapan dan keyakinan kita bahawa kita berada pada jalan yang menuju ke kehidupan abadi, untuk hidup dalam keluarga selama-lamanya dalam kerajaan selestial.

Bagi sesetengah orang, kebahagiaan abadi itu tampak malap mahupun beransur hilang. Para ibu bapa, anak-anak, adik-beradik mungkin telah membuat pilihan yang

seakan menghalang mereka untuk mencapai kehidupan abadi. Anda mungkin juga tertanya-tanya sama ada anda telah layak melalui Korban Tebusan Yesus Kristus.

Seorang nabi Tuhan telah memberikan saya nasihat yang mendatangkan keamanan. Saya telah berasa risau atas pilihan-pilihan orang lain yang mungkin menghalang keluarga kami untuk bersama buat selama-lamanya. Dia berkata, "Kamu risau tentang masalah yang salah. Kamu hanya harus hidup berkeleyakan kerajaan selestial, dan situasi keluarga kamu akan lebih bahagia daripada apa yang boleh kamu gambarkan."

Kepada semua yang berpengalaman peribadi atau perkahwinan serta anak-anak—atau ketiadaan perkara itu—yang melenyapkan harapan, saya berikan kesaksian saya: Bapa Syurgawi mengetahui anda dan menyayangi anda sebagai anak rohani-Nya. Ketika anda bersama Dia dan Putera Terkasih-Nya sebelum kehidupan ini, Mereka telah pun letak dalam hati anda harapan kehidupan abadi. Dengan kuasa Penebusan Yesus Kristus dan pimpinan Roh Kudus, anda boleh rasa sekarang dan kemudian dalam dunia yang akan datang, kasih sayang keluarga yang Bapa dan Putera Terkasih-Nya hendak anda terima.

Saya bersaksi bahawa semasa anda hidup berlayak kerajaan selestial, janji nabi bahawa "situasi keluarga kamu akan lebih bahagia daripada apa yang boleh kamu gambarkan" akan menjadi benar bagi kamu.

## MENGAJAR DARI PESANAN INI

Pertimbangkan untuk bermula dengan memberitahu mereka yang kamu ajar tentang suatu masa apabila kamu bersyukur terhadap harapan keluarga abadi. Jemput mereka untuk merenungkan masa ketika mereka bersyukur terhadap keluarga abadi. Minta mereka untuk kongsi pengalaman itu. Anda boleh menjemput mereka untuk merenungkan cara-cara memperbaiki dan menjadi lebih layak untuk memasuki kerajaan selestial supaya janji nabi "situasi keluarga . . . akan lebih bahagia daripada apa yang boleh kamu gambarkan" boleh menjadi milik mereka.

## REMAJA

### Kongsi Kebahagiaan Abadi

**S**alah satu perkara paling baik tentang Injil ialah pengetahuan rancangan keselamatan. Kita berpeluang untuk hidup bersama keluarga kita secara abadi. Pengetahuan itu menolong kita untuk mempunyai

harapan apabila kita ditenggelami dunia. Presiden Eyring mengajar, "Bapa Syurgawi kita mengenali hati kita. Tujuan-Nya adalah untuk memberikan kita kebahagiaan (lihat 2 Nefi 2:25). Jadi, Dia berikan kurnia Putera-Nya untuk membolehkan kebahagiaan ikatan keluarga yang abadi. . . . Ini satu kurnia yang boleh dituntut oleh setiap anak Tuhan yang datang ke dunia ini."

Berkat itu boleh terjadi kepada kita yang masih hidup dan juga kepada mereka yang sudah meninggal—tetapi hanya melalui bantuan kita. Nenek-moyang kita berada di dunia roh sekarang, menunggu penyediaan nama mereka agar tatacara-tatacara bait suci bagi pihak mereka boleh dilakukan. Tetapi kadangkala adalah susah untuk melakukan kerja itu untuk mereka. Mungkin kita terlalu sibuk, atau kita tinggal jauh dari bait suci untuk menghadirinya selalu.

Mujurnya, ada cara lain kita boleh menolong nenek-moyang kita, seperti kerja sejarah keluarga, indeks, atau menjaga adik kita semasa ibu bapa pergi ke bait suci. Dengan menolong, kita melayan Tuhan *dan* mendatangkan harapan keluarga abadi kepada mereka yang di sebelah tirai.

## KANAK-KANAK

### Keluarga Adalah Abadi

**K**erana Penebusan Yesus Kristus dan kunci-kunci Imam yang sudah dipulihkan, kita boleh hidup bersama keluarga kita buat selama-lamanya! Apakah yang anda suka tentang keluarga anda? Ikut arahan-arahan berikut untuk membuat satu rantai kertas bagi merayakan keluarga anda.

1. Lipatkan sekeping kertas di tengah supaya anda mendapat satu keping kertas yang panjang.
2. Lukiskan seorang dengan tangannya sedang mencapai ke tepi lipatan.
3. Guntingkan lukisan orang itu. Jangan gunting di mana tangan menyentuh tepi lipatan.
4. Buka kertas itu. Tulis atau lukiskan sesuatu perkara yang anda suka tentang setiap ahli keluarga anda.
5. Lekatkan beberapa rantai jika keluarga anda besar!

© 2016 oleh Intellectual Reserve, Inc. Semua hak terpelihara. Dicitak di AS. Kelulusan bahasa Inggeris: 6/16. Kelulusan penterjemahan: 6/16. Penterjemahan *First Presidency Message, August 2016*. Malay 12868 348



# Bersama-sama Memupuk Keluarga

Iman, Keluarga, Pertolongan

*Kaji bahan pengajaran ini dan berdoa untuk mengetahui apa yang harus dikongsi. Bagaimana pemahaman "Suatu Perisytiharan kepada Dunia" boleh meningkatkan iman anda kepada Tuhan dan memberkati mereka yang anda jaga melalui pengajaran berkunjung? Untuk maklumat lebih lanjut, layari [reliefsociety.lds.org](http://reliefsociety.lds.org).*

Seorang "suami dan isteri mempunyai tanggungjawab yang penting untuk menyayangi dan menjaga satu sama lain dan anak-anak mereka."<sup>1</sup> "Keluarga ialah makmal kasih sayang dan pelayanan Tuhan," kata Presiden Russell M. Nelson, Presiden Kuorum Dua Belas Rasul.

"Bapa Syurgawi kita ingin suami dan isteri setia terhadap satu sama lain dan memandang serta melayan anak-anak mereka sebagai warisan dari Tuhan."<sup>2</sup>

Dalam Kitab Mormon, Yakub kata bahawa kasih sayang suami terhadap isteri, dan kasih sayang isteri terhadap suami, dan kasih sayang mereka terhadap anak-anak mereka ialah sebab-sebab pada suatu masa bangsa Laman lebih soleh daripada bangsa Nefi (lihat Yakub 3:7).

Salah satu cara terbaik untuk menjemput kasih sayang dan harmoni ke dalam rumah kita adalah berbudi bahasa dengan ahli-ahli keluarga kita. Tuturan yang berbudi bahasa mendatangkan Roh Kudus. Sister Linda K. Burton, presiden umum Lembaga Pertolongan, meminta kita untuk menimbang

berikut: "Seberapa sering kita dengan sengaja 'bertutur kata yang baik terhadap satu sama lain?'"<sup>3</sup>

## **Ayat-ayat Suci Tambahan**

Roma 12:10; Mosia 4:15; Ajaran dan Perjanjian 25:5

## **Kisah Benar**

Elder D. Todd Christofferson dari Kuorum Dua Belas Rasul kongsi satu pengalaman zaman kanak yang menekankan kepentingan keluarga yang saling mengasihi. Ketika dia dan adik-beradiknya masih kecil, ibu mereka melalui satu pembedahan penyakit barah besar yang mengakibatkan lengan kanannya terlalu sakit untuk digunakan. Keluarga yang terdiri daripada anak-anak lelaki, terdapat banyak penyeterikan namun semasa dia menyeterika, dia sering berhenti dan masuk ke bilik tidur untuk menangis sehinggalah kesakitan itu hilang.

Apabila bapa Elder Christofferson sedari apa yang berlaku, dia dengan diam tidak makan makan tengahari selama hampir satu tahun untuk menjimatkan duit untuk membeli

satu mesin yang menyenangkan kerja menyeterika. Kerana kasih sayangnya terhadap isteri, dia menjadikan satu teladan pemupukan keluarga bagi anak-anak lelakinya. Elder Christofferson berkata tentang interaksi halus ini, "Pada masa itu, saya tidak sedar tentang korban dan tindakan kasih sayang bapa saya untuk ibu, tetapi sekarang saya tahu, saya kata kepada diri sendiri, 'Inilah seorang lelaki yang benar.'"<sup>4</sup>

## **NOTA-NOTA**

1. "Keluarga: Suatu Perisytiharan kepada Dunia," *Liahona*, Nov. 2010, 129.
2. Russell M. Nelson, "Salvation and Exaltation," *Liahona*, Mei 2008, 8.
3. Linda K. Burton, "Kita Akan Maju Bersama-sama," *Liahona*, Mei 2015, 31.
4. D. Todd Christofferson, "Let Us Be Men," *Liahona*, Nov. 2006, 46.

## ***Pertimbangkan Ini***

Bagaimana kasih sayang dan mengambil berat tentang satu sama lain menjemput Roh ke dalam rumah kita?